

## NOTIS UMUM

### PELANTIKAN EJEN TUNGGAKAN CUKAI PINTU BAGI PIHAK MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) telah melantik Ejen untuk membuat tuntutan tunggakan cukai pintu di kawasan percukaian Majlis Perbandaran Sandakan berkuat kuasa 1 Mei 2014 yang lalu. Ejen-ejen yang dilantik adalah seperti berikut:-

1. Menggaris IT Sdn Bhd
2. TC Property Management & Consultancy

Skop kerja bagi setiap Ejen yang dilantik adalah membantu pihak Majlis menyampaikan notis tuntutan atau bil cukai pintu, memberi khidmat nasihat cara pembayaran tunggakan cukai pintu dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik-pemilik yang gagal menjelaskan tunggakan cukai pintu. Setiap Ejen telah diberi Kad Kuasa bagi pihak Majlis ini untuk memudahkan Ejen-Ejen yang dilantik menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Pihak Ejen yang dilantik tidak dibenarkan menerima sebarang bayaran tunai atau cek daripada pemilik harta berkadar. Setiap pemilik harta berkadar dikehendaki memberi kerjasama kepada setiap Ejen yang dilantik bagi memudahkan urusan penyelesaian tunggakan cukai pintu.

Setiap pemilik harta berkadar adalah dikehendaki membuat pembayaran sendiri secara tunai, kad kredit atau cek di Kaunter Pembayaran Setempat MPS, Wisma Warisan, Pusat Bandar Sandakan, Kaunter Pembayaran Setempat MPS, Pasar Kim Fung, Batu 4, mana-mana Kaunter POS Malaysia Berhad, cawangan BSN, Bayaran 'On-line Credit Card' di laman sesawang [www.mps.sabah.gov.my](http://www.mps.sabah.gov.my) atau secara dalam talian 'CIMB Click' atau 'MyBSN'.

( **DATUK Ir. JAMES WONG** )  
**PRESIDEN**  
**MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN**